

22 JUN 2000
G15-Review/I
G15 - SESUDAH 10 TAHUN

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 22 Jun (Bernama) -- Seorang pensyarah Mesir mendapati tidak ada apa-apa yang baru dalam pernyataan bersama pada sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) yang baru saja berakhir di sini dan ingin tahu apa yang G-15 boleh capai untuk penduduk Selatan.

Beliau kemukakan soalan itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa Perdana Menteri memberikan ceramah di Universiti Kaherah di akhir sidang kemuncak dua hari itu pada Selasa.

"Bagi Malaysia, kami mendapat banyak manfaat daripada G-15 tetapi kami tidak menghebahkannya sangat," kata Perdana Menteri yang sentiasa hadir di sidang kemuncak kumpulan itu sejak mesyuarat pertamanya di Kuala Lumpur pada 1990.

Sebagai contoh, beliau menyebut tentang inisiatif menubuhkan pusat mengumpul data mengenai perdagangan semua negara anggota dan penyediaan mekanisme untuk meningkatkan perdagangan di kalangan mereka.

"Setelah mengumpul data, kami tingkatkan perdagangan tetapi kami dapati banyak daripada anggota tidak mempunyai tukaran asing yang cukup.

"Jadi, kami perkenalkan sistem dikenali sebagai peraturan pembayaran dua hala (BPA) yang membolehkan kami tidak perlu bayar apa yang dibeli tetapi kami kontra dagangan antara negara, dengan membayar hanya jumlah perbezaannya," kata Dr Mahathir.

Ini bermakna keperluan bagi tukaran asing adalah minimal dan termampu oleh kebanyakan negara.

Malaysia, menerusi Bank Negara, menandatangani BPA dengan 26 negara dalam usaha meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan.

Untuk menggalakkan perdagangan sesama anggota G-15, Malaysia dan Mesir akan mewujudkan pusat memperkenalkan barangan masing-masing -- Rumah Malaysia di sini dan Rumah Mesir di Kuala Lumpur.

"Kami ingin membeli lebih banyak dari Mesir dan akan mengenal pasti apa yang boleh dibeli," kata Dr Mahathir menjawab soalan seorang penuntut yang ingin tahu tentang imbalan dagangan dua hala yang kini menguntungkan Malaysia.

Malaysia mungkin membeli buah-buahan dan bawang serta produk perindustrian dari Mesir.

Dr Mahathir berkata satu lagi hasil positif sidang kemuncak kali ini ialah negara-negara anggota kini lebih memahami tentang kesan globalisasi terhadap negara membangun.

"Sekarang mereka faham globalisasi bukanlah seperti yang ditonjolkan. Dan ini satu langkah besar.

"Langkah berikutnya ialah mendapatkan lebih banyak negara untuk menyuarakan pendapat mereka. Sebuah negara saja (yang bersuara) tidak akan membawa banyak kesan," katanya.

Malaysia akan mengedarkan satu kertas kerja kepada negara-negara G-15 yang ingin mendapatkan lebih banyak penjelasan tentang kesan globalisasi terhadap negara-negara membangun.

Selain Malaysia dan Mesir, G15 turut dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Sidang kemuncak di sini menerima Iran dan Colombia sebagai anggota baru menjadikan 19 negara yang menganggotai kumpulan itu.

Presiden Hosni Mubarak menemui kumpulan menteri ekonomi Mesir semalam untuk mengkaji hasil sidang kemuncak itu, yang kedua dianjurkan oleh Mesir selepas ia menjadi tuan rumah mesyuarat itu dua tahun lepas.

Beliau turut memberitahu para menteri itu mengenai perbincangannya secara berasingan dengan pemimpin-pemimpin G-15 dan memberitahu mereka supaya menggunakan peluang daripada momentum sidang kemuncak itu untuk

mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dengan negara-negara anggota khususnya Malaysia, Indonesia dan India.

-- BERNAMA

AZZ MAI